

# PELAJARAN 1

## PENGERTIAN SEJARAH DAN KEREVELANAN

### OBJEKTIF PELAJARAN

---

Dalam pelajaran yang pertama ini pelajar akan dimaklumkan dengan beberapa pengertian sejarah. Di antara pengertian-pengertian yang akan dibincangkan adalah tentang sejarah sebagai sebuah disiplin. Di samping itu, pelajar juga akan didedahkan dengan kerelevanan mempelajari sejarah dalam melewati kehidupan hari ini. Setelah mengikuti pelajaran ini anda seharusnya akan dapat:-

- i. **Menjelaskan** maksud atau pengertian sejarah.
  - ii. **Membincangkan** kerelevanan mempelajari sejarah.
- 

#### 1.0 PENGENALAN

Apakah yang dimaksudkan dengan sejarah sebagai satu disiplin ilmu, dan mengapa mempelajari sejarah dianggap begitu relevan dalam konteks moden?

Mengapa pula mempelajari sejarah dianggap penting dalam dunia hari ini? Kerelevanan sejarah selalu diungkap oleh para sarjana bahawa ia adalah satu bidang atau ilmu yang tidak boleh dipandang enteng, kerana ia memberikan kita wawasan yang mendalam tentang bagaimana masyarakat, budaya, dan tamadun kita telah berkembang dari masa ke masa.

Tambahan lain, menurut para sarjana, dengan mempelajari sejarah, kita bukan sahaja mengetahui asal-usul dan perkembangan komuniti kita, tetapi juga bagaimana peristiwa-peristiwa masa lalu telah membentuk dunia moden yang kita diami hari ini.

Tetapi sejauh mana sejarah menawarkan pelajaran yang berharga dari pengalaman lampau, yang boleh membantu kita dalam mengelakkan kesilapan yang sama di masa depan dan membuat keputusan yang lebih bijak dan berinformasi.

Bagaimanakah sejarah yang berakar daripada konsep penyelidikan dan pemahaman mendalam ini dapat membantu kita bukan sahaja dalam mengenal masa lalu, tetapi juga dalam membentuk pandangan yang lebih bijak dan bermakna terhadap masa depan?

Mengapa pemahaman tentang sejarah menjadi alat yang tidak ternilai dalam pembangunan diri dan masyarakat pada keseluruhannya? Dalam pelajaran ini, semua kemusykilan dan persoalan tersebut akan dirungkai dengan kalian.

## 2.0 ASAL USUL PERKATAAN SEJARAH

Perkataan "history" dalam bahasa Inggeris berasal daripada bahasa Yunani kuno. Kata asalnya ialah "historia," yang secara harfiah bermaksud "penyiasatan" atau "pertanyaan." Makna ini menunjukkan bahawa sejarah pada mulanya difahami sebagai suatu usaha untuk menyelidik dan memahami peristiwa-peristiwa masa lampau melalui proses penyiasatan yang teliti.

Sejarah dilihat sebagai satu disiplin ilmu yang mengkehendaki seseorang untuk bertanya, menyelidik, dan kemudian menyusun naratif yang berasaskan kepada bukti-bukti yang diperolehinya.

Manakala dalam konteks bahasa Melayu, perkataan "sejarah" mempunyai asal usul yang berbeza. Ia berasal daripada perkataan Arab "syajarah" atau "syajaratun" yang membawa makna "pohon." Makna ini berhubung rapat dengan konsep salasilah atau keturunan, yang sering kali digambarkan sebagai 'pohon keturunan' atau 'pohon keluarga' dalam masyarakat Melayu tradisional.

Perkataan "sejarah" dalam bahasa Malaysia turut disamakan dengan istilah "tawarikh," yang juga berasal daripada bahasa Arab, iaitu "ta'rikh." Ta'rikh bermaksud "pengtarikhan" atau proses mencatatkan waktu dan peristiwa. Ini mencerminkan fokus dalam tradisi penulisan sejarah di dunia Melayu yang menekankan kepada kronologi peristiwa dan penyusunan masa.

Justeru, kedua-dua istilah dalam bahasa Inggeris dan bahasa Melayu membawa konotasi yang mendalam tentang bagaimana sejarah difahami dan didekati.

Di satu pihak, istilah "history" lebih menekankan kepada proses penyiasatan intelektual, manakala istilah "sejarah" di Malaysia membawa makna yang berkait rapat dengan keturunan dan sorotan waktu, menunjukkan pengaruh budaya dan tradisi Arab dalam pembentukan istilah ini.

### 2.1 PENGERTIAN SEJARAH OLEH ORANG YUNANI

Orang-orang Yunani kemudiannya memberikan pengertian yang lebih spesifik kepada perkataan "sejarah." Mereka menafsirkannya sebagai "sebuah rekod atau cerita yang merupakan hasil daripada proses siasatan."

Ini bermaksud, bagi orang Yunani, sejarah tidak sekadar menjadi naratif tentang masa lalu, tetapi naratif tersebut haruslah diperoleh melalui suatu proses penyelidikan yang teliti.

Hasil penyelidikan ini akan menjadi rekod yang dipercayai dan dihormati, membezakan antara cerita yang berdasarkan bukti dan mitos atau legenda yang tidak mempunyai asas fakta yang kukuh.

## 2.2 PENGERTIAN SEJARAH DALAM PENSEJARAHAN MODEN

Dalam pensejarahan moden, istilah "sejarah" telah berkembang dan mempunyai makna yang lebih meluas dan kompleks. Secara umumnya, sejarah kini merangkumi tiga elemen utama:

(i) Penyiasatan: Proses penyelidikan yang sistematik untuk memahami masa lalu, sama seperti dalam pengertian asal Yunani.

(ii) Objek Penyiasatan: Subjek atau tema yang diselidiki, yang boleh meliputi pelbagai aspek kehidupan manusia, seperti politik, ekonomi, sosial, budaya, dan lain-lain.

(iii) Rekod Hasil Penyiasatan: Dokumen atau naratif yang disusun berdasarkan hasil penyiasatan tersebut. Rekod ini adalah gambaran peristiwa masa lalu yang telah dikaji dan direkodkan secara sistematik.

## 2.3 PENGERTIAN SEJARAH DALAM BAHASA JERMAN

Walaupun begitu, dalam konteks bahasa Jerman, istilah "Geschichte" yang merujuk kepada sejarah mempunyai makna yang agak berbeza. "Geschichte" ditakrifkan sebagai "perkara yang telah lalu," atau dengan kata lain, sejarah dalam pandangan ini adalah masa lalu itu sendiri, tanpa memerlukan proses penyelidikan atau penyiasatan.

Makna ini menekankan bahawa sejarah adalah himpunan peristiwa yang telah berlaku dan menjadi bahagian dari masa yang telah berlalu.

## 3.0 KERELEVANAN SEJARAH DALAM MEMBENTUK MASA DEPAN

Sejarah merupakan satu disiplin ilmu yang tidak hanya terhad kepada kajian peristiwa masa lalu, tetapi juga berperanan penting dalam membantu kita memahami masa kini serta merancang masa depan.

Kerelevanan sejarah dapat dilihat dalam pelbagai aspek kehidupan—dari pembentukan identiti dan jati diri hingga kepada pembinaan pemahaman antara budaya, Membuat keputusan, serta pemahaman dinamika perubahan sosial dan ekonomi.

Melalui pemahaman mendalam tentang sejarah, kita dapat mengenali pola-pola yang berulang, memahami sebab dan akibat daripada tindakan tertentu, serta belajar daripada kesalahan dan pencapaian masa lalu.

### 3.1 MEMBENTUK IDENTITI DAN JATI DIRI

Sejarah memainkan peranan penting dalam membentuk identiti bangsa dan individu. Dengan memahami sejarah, kita boleh mengenal pasti asal-usul, budaya, tradisi, serta perjuangan yang telah dilalui oleh nenek moyang.

Hal ini penting dalam membina rasa kebanggaan dan kepunyaan terhadap masyarakat atau negara.

Seperti yang dinyatakan oleh sejarawan Benedict Anderson, identiti nasional terbentuk melalui konstruksi sejarah yang dikongsi bersama oleh masyarakat (Anderson, 2006). Pemahaman terhadap sejarah membantu masyarakat untuk merasakan hubungkaitan emosi dengan bangsa mereka, dan ini membina jati diri yang kukuh.

### 3.2 PEMBELAJARAN DARI PENGALAMAN MASA LALU

Sejarah adalah guru yang tidak ternilai harganya. Dengan mempelajari peristiwa masa lalu seperti peperangan, revolusi, dan reformasi sosial, kita dapat memahami bagaimana tindakan tertentu telah membawa kepada perubahan besar.

Arnold Toynbee, dalam karyanya "A Study of History", menegaskan bahawa sejarah adalah satu kajian mengenai bagaimana Tamadun bangsa bertindak balas terhadap cabaran-cabaran tertentu dan bagaimana mereka belajar daripada pengalaman-pengalaman itu untuk terus maju atau sebaliknya ke arah kejatuhan (Toynbee, 1987).

Oleh itu, sejarah membolehkan kita menghindari pengulangan kesilapan yang sama dan menginspirasi untuk mengambil tindakan yang lebih bijak pada masa hadapan.

### 3.3 MEMBINA PEMAHAMAN ANTARA BUDAYA

Dalam era globalisasi yang semakin pesat, sejarah memainkan peranan penting dalam membina pemahaman dan toleransi antara pelbagai budaya.

Edward Said, dalam karya tersohor beliau, 'Orientalism', menekankan bahawa sejarah sering kali membentuk pandangan kita tentang 'yang lain' (Said, 1978).

Dengan mempelajari sejarah bangsa-bangsa lain, kita dapat memahami asal-usul dan perkembangan budaya mereka, yang mendorong penghormatan dan kerjasama antara masyarakat dan negara-negara yang berbeza.

Ini juga membantu dalam meredakan ketegangan antara budaya dengan menyedarkan kita tentang kepentingan menghormati dan menerima kepelbagaian.

### 3.4 PETUNJUK KEPADA MEMBUAT KEPUTUSAN

Pengetahuan sejarah memberi sumbangan penting dalam pengambilan keputusan, terutamanya dalam bidang politik dan diplomasi.

Pemimpin dan pembuat dasar sering kali merujuk kepada sejarah untuk membuat keputusan yang berinformasi. Winston Churchill, misalnya, terkenal dengan penguasaannya terhadap sejarah dan bagaimana dia menggunakan pengetahuan ini untuk mengarahkan tindakan politik dan ketenteraan semasa Perang Dunia Kedua (Gilbert, 1991).

Dengan merujuk kepada sejarah, para pemimpin dapat mengambil pengajaran dari peristiwa masa lalu, menghindari kesalahan yang serupa, dan merangka strategi yang lebih efektif.

### 3.5 MEMAHAMI DINAMIKA PERUBAHAN SOSIAL DAN EKONOMI

Sejarah juga memberikan wawasan yang bernilai tentang bagaimana masyarakat dan ekonomi berubah dari masa ke masa.

Karl Marx, dalam analisis sejarahnya, menegaskan bahawa perubahan sosial dan ekonomi didorong oleh konflik kelas dan perkembangan dalam hubungan produksi (Marx & Engels, 1848).

Dengan memahami faktor-faktor yang mendorong perubahan ini, kita dapat lebih baik mempersiapkan diri untuk menghadapi cabaran masa depan, seperti globalisasi, perubahan iklim, dan revolusi teknologi.

Melalui sejarah, kita dapat menilai bagaimana perubahan ekonomi dan sosial mempengaruhi struktur masyarakat dan meramalkan arah perubahan masa depan.

### 3.6 MENINGKATKAN KESEDARAN SOSIAL

Sejarah sering kali mengungkapkan ketidakadilan dan ketidakseimbangan sosial yang berlaku pada masa lalu.

Dalam kajian Michel Foucault mengenai sejarah kuasa dan pengetahuan, beliau menunjukkan bagaimana naratif sejarah sering kali dikawal oleh kuasa yang dominan untuk mengekalkan *status quo* (Foucault, 1980).

Ini membantu meningkatkan kesedaran sosial dan mendorong usaha untuk mencapai keadilan sosial pada masa kini.

Melalui kajian sejarah, masyarakat dapat menilai kembali naratif yang dominan, menyuarakan suara-suara yang terpinggir dalam arus perdana, dan memperjuangkan hak-hak yang terlepas pandang.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, sejarah bukan sekadar kajian mengenai masa lalu, tetapi ia merupakan wahana yang sangat relevan untuk memahami dan menavigasi masa kini dan masa depan. Tanpa sejarah, kita kehilangan konteks yang penting untuk membuat keputusan yang bermakna dan membina masa depan yang lebih baik.

Sejarah memberi kita wawasan, kebijaksanaan, dan perspektif yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dan memanfaatkan peluang yang akan datang.

Seperti yang dinyatakan oleh sejarawan George Santayana, "Mereka yang tidak mengingati masa lalu ditakdirkan untuk mengulanginya" (Santayana, 1905).

\*\*\*\*